

KERATAN: Berita Harian  
Etnik

TARIKH: 18/02/2013  
M/S: (2)



Musa bersalaman dengan orang ramai pada majlis perasmian penubuhan Persatuan Bangsa Bajau Sama Sabah (PBBSS) di Tuaran, semalam.

FOTO LANO LAN/BH

# Semua etnik digalak tubuh persatuan

» Hubungan persaudaraan lebih kukuh, warisan terpelihara: Musa

Oleh Mohd Izham Unnip Abdullah  
thaddius@bharian.com.my

► Tuaran

**K**erajaan Barisan Nasional (BN) Sabah komited membela nasib masyarakat pelbagai kaum dan menyokong usaha memelihara budaya serta amalan tradisi etnik menerusi penubuhan persatuan masing-masing.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, berkata kepelbagaian kaum, agama dan budaya tidak menghalang kerajaan melaksanakan pembangunan, malah ia memberi kekuatan dalam mewujudkan keamanan dan kemakmuran.

## Berkongsi kuasa

Beliau berkata, suasana harmoni dan bersatu padu masyarakat pelbagai kaum turut membolehkan rakyat negeri ini berkongsi kuasa dan mem-

bentuk kerajaan stabil serta berkebolehan mentadbir dan merancang pembangunan dengan baik.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan menggalakkan semua kaum menubuhkan persatuan etnik bagi memudahkan usaha membela nasib mereka dan mengukuhkan persaudaraan serta kerjasama.

"Orang luar kagum melihat kemampuan masyarakat berbilang kaum di negeri ini hidup harmoni walaupun berbeza agama dan budaya.

"Kelebihan ini tiada di tempat lain. Kita bukan saja hidup

aman, malah masyarakat berbilang kaum di Sabah juga seiring membangunkan negeri ini," katanya pada majlis perasmian penubuhan Persatuan Bangsa Bajau Sama Sabah (PBBSS), di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Datuk Hajiji Noor; Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Musbah Jamli; Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur negeri, Datuk Japlin Akim dan Pembantu Menteri Belia dan Sukan negeri, Datuk Jahid Jahim.

Pada majlis itu, Musa turut melancarkan Pogintangan Do Wulan Suang Lotud atau kalendar masyarakat Dusun Lotud, Tuaran.

Musa turut mengingatkan rakyat pelbagai kaum di negeri ini supaya mengelak sengketa sesama sendiri dan memastikan masalah berbangkit diselesaikan secara bijak tanpa menjejaskan silaturahim.